



HARI ARAFAH SERLAHKAN NILAI KEINSAFAN DAN KESATUAN UMAT – TIMBALAN MB KELANTAN

Buletin بواليتین دارالنعيم MINGGUAN

# DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | ZULHIJJAH 1446H | 08-12 JUN 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

PERJUANGAN MEMERLUKAN PENGORBANAN – DATO' MOHD AMAR

SEGERAKAN NAIK TARAF LALUAN GERIK-JELI DEMI KESELAMATAN RAKYAT-EXCO KERJARAYA

KELANTAN KOMITED PELIHARA HUTAN, HAMPIR 60,000 HEKTAR TELAH DITANAM SEMULA

## MB KELANTAN SERU RAKYAT HAYATI ERTI PENGORBANAN, TUNDUK KEPADA PERINTAH ILAHİ

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM**, 6 Jun – Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menyuruh seluruh umat Islam, khususnya rakyat Kelantan, agar menghayati semangat Aidiladha sebagai lambang ketundukan mutlak kepada perintah Allah SWT dan memperkuat solidariti terhadap saudara seakidah di Palestin.

Dalam perutusannya sempena Aidiladha 1446H, beliau mengingatkan bahawa Hari Raya Qurban adalah peringatan agung terhadap kisah keluarga Nabi Ibrahim A.S. yang mencerminkan ketaatan luar biasa terhadap perintah Ilahi.

Perutusan beliau berpandukan firman Allah SWT dalam Surah Al-Hajj, ayat 34 yang menekankan pensyariatan ibadah korban sebagai tanda syukur atas nikmat rezeki dan simbol ketundukan kepada Tuhan Yang Maha Esa.

"Perintah untuk menyembelih anaknya Nabi Ismail A.S. ditaati sepenuh jiwa dan raga yang menzhirkan kemuncak taqwa kepada ketetapan perintah Allah SWT," ujarnya dalam perutusan rasmi pada Jumaat.

Beliau menjelaskan bahawa iba-



dah korban bukan sekadar penyembelihan haiwan semata-mata, tetapi melambangkan kepedulian sosial yang lahir daripada sifat taqwa dengan pengagihan daging korban kepada golongan kurang berkelebihan.

"Melalui amalan ini, kasih sayang dan perpaduan antara sesama umat Islam dapat dipupuk dan disuburkan ke arah membentuk kehidupan yang sejahtera berpandukan wahyu Allah SWT," katanya lagi.

Dato' Mohd Nassuruddin turut memuji semangat gotong-royong

rakyat Kelantan dalam menyempurnakan ibadah korban saban tahun, yang menurutnya menjadikan sambutan Aidiladha di negeri itu sentiasa meriah dan penuh dengan penghayatan.

"Suasana sebegini bukan hanya merapatkan persaudaraan kejiran, malah menjadikan hari raya disambut dengan penuh kesyukuran," katanya lagi.

Dalam masa sama, beliau menyeru umat Islam untuk terus membumikkan erti pengorbanan dengan menyatakan solidariti terhadap perjuangan umat Islam di


“

firman Allah SWT dalam Surah Al-Hajj, ayat 34 yang menekankan pensyariatan ibadah korban sebagai tanda syukur atas nikmat rezeki dan simbol ketundukan kepada Tuhan Yang Maha Esa,”

Gaza dan Palestin.

"Kalau bukan kita, siapa lagi mahu pedulikan nasib mereka. Aidiladha mengajar kita bahawa pengorbanan juga bermaksud berdiri bersama mereka yang dizalimi, walaupun hanya dengan doa dan jihad harta," tegas beliau.

Mengakhiri perutusan, beliau turut menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada seluruh rakyat Kelantan, termasuk mereka yang berada di perantauan dan para jemaah haji yang sedang menunaikan ibadah di Tanah Suci.



# PERJUANGAN MEMERLUKAN PENGORBANAN – DATO' MOHD AMAR

Oleh: Asri Hamat

## PENGKALAN CHEPA, 6 Jun

– Pengorbanan adalah elemen terpenting dalam sesebuah perjuangan dan menjadi syarat utama untuk meraih kejayaan, tegas Speaker Dewan Negeri Kelantan YB Dato' Seri Amar D'Raja, Dato' Dr. Mohd Amar Abdullah.

Menurutnya, kejayaan dalam perjuangan tidak akan dicapai tanpa kesanggupan untuk berkorban, sama ada dari segi masa, tenaga maupun sumber lain.

“Dalam perjuangan, masa adalah perkara utama yang perlu dikorbankan. Kita semua sentiasa sibuk, tetapi jika kita terus melayan kesibukan itu, satu pun perkara tidak dapat dilakukan untuk perjuangan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Penghayatan Hari Wukuf Peringkat Parlimen Pengkalan Chepa yang berlangsung di Pusat Rekreasi Pulau Kundur, hari ini.

Tambahnya, pengorbanan bukan sahaja melibatkan masa, tetapi turut merangkumi tenaga, harta benda, ilmu dan kebolehan yang



dimiliki.

“Para sahabat Rasulullah SAW bukan sahaja mengorbankan masa, harta dan tenaga demi agama, bahkan sanggup mengorbankan nyawa demi menegakkan Islam. Sebab itulah Islam berjaya tersebar di Tanah Arab,” katanya lagi.

Dalam pada itu, Dato' Dr. Mohd Amar turut menekankan bahawa setiap pejuang pasti berdepan dengan pelbagai cabaran termasuklah godaan iblis, yang telah bersumpah untuk menyesatkan manusia sejak awal penciptaan.

“Jalan iblis untuk memperdayakan manusia adalah melalui nafsu yang wujud dalam diri setiap insan,” jelasnya.

Oleh itu, kata beliau lagi, ma-

nusia disaran agar mengawal nafsu bagi melemahkan pengaruh iblis.

“Antara cara untuk melemahkan nafsu ialah dengan berpuasa. Selain Ramadan, kita digalakkan berpuasa sunat pada awal Zulhijjah, khususnya pada Hari Arafah, serta puasa sunat lain sepanjang tahun.

“Apabila nafsu menjadi lemah, maka peluang iblis untuk memperdayakan manusia juga semakin sukar,” ujarnya.

Turut hadir dalam program berkenaan ialah Exco Kerjaya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar merangkap Ahli Dewan Negeri (ADN) Kijang YB Dato' Dr Izani Husin, Ahli Parlimen Pengkalan Chepa YB Datuk Dr Ahmad Marzuk Shaary, ADN

Cempaka, YB Nik Bahrum Nik Abdullah, Ahli Dewan Negara YB Nik Abduh Nik Abdul Aziz serta mantan ADN Cempaka, Ustaz Ahmad Farhan Mahmood.

Kuliah sempena Hari Wukuf pula disampaikan oleh Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru Bentara Setia (IPTG), Prof Emeritus Dato' Dr Johari Mat.

Untuk rekod, Program Penghayatan Hari Wukuf merupakan acara tahunan anjuran Kerajaan Negeri Kelantan melalui Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN).

Program kerohanian itu diadakan serentak di semua 14 kawasan Parlimen negeri ini pada 9 Zulhijjah setiap tahun.

# HARI ARAFAH SERLAHKAN NILAI KEINSAFAN DAN KESATUAN UMAT – TIMBALAN MB KELANTAN



Oleh: Norzana Razaly

## MACHANG, 9 Jun

– Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan menegaskan bahawa hikmah Hari Arafah terletak pada kedudukannya sebagai hari pengampunan dan pembebasan jiwa daripada belenggu dosa, yang menyeru manusia agar kembali menyucikan hati den-

gan penuh keinsafan dan kerendahan di sisi Allah SWT.

Menurut beliau, Hari Arafah ialah detik penting dalam ibadah haji dan membawa mesej rohani yang mendalam untuk seluruh umat Islam.

“Hari ini mengajak kita menyederai betapa berharganya peluang untuk kembali kepada Allah dengan taubat yang tulus,” katanya

semasa berucap dalam Majlis Sambutan Penghayatan Hari Wukuf bagi Parlimen Machang 1446H / 2025 pada Isnin.

Beliau menambah bahawa Hari Arafah turut mengajar makna kesatuuan dan kesamaan di hadapan Tuhan Yang Maha Esa, apabila segala perbezaan darjat, keturunan dan harta duniawi dilenyapkan, mengangkat nilai persaudaraan dan

keikhlasan.

“Ia mengingatkan bahawa rahmat dan kasih sayang Allah sentiasa terbuka luas untuk mereka yang benar-benar mahu berubah dan memperbaiki diri,” ujarnya.

Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan turut mendoakan agar seluruh amalan umat Islam diterima oleh Allah SWT serta diberikan kekuatan untuk terus beristiqamah menghayati nilai-nilai Hari Arafah dalam kehidupan seharian.

“Semoga Allah menerima segala amalan kita, mengurniakan taufiq dan hidayah agar kita sentiasa istiqamah dalam menghayati pengajaran Hari Arafah, memperbaiki keimanan dan memperkuuh ukhuwah sesama umat demi mencapai reda-Nya serta kebahagiaan di dunia dan akhirat,” katanya.

K E S E J A H T E R A A N

# SAMBUTAN HARI MABIT DI SELURUH KELANTAN TEKANKAN KESATUAN UMMAH

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM,** 11 Jun — Sambutan Hari Mabit yang berlangsung serentak di 14 kawasan Parlimen seluruh Kelantan pada 12 Zulhijah 1446H telah menjadi kesinambungan kepada kejayaan program Hari Wukuf yang turut dilaksanakan serentak pada 9 Zulhijah.

Program anjuran Kerajaan Negeri Kelantan tersebut merupakan sebahagian usaha tahunan dalam menghidupkan penghayatan ibadah haji dalam kalangan rakyat serta menyemarakkan nilai-nilai spiritual dan solidariti ummah melalui simbolik ibadah wukuf dan mabit.

Exco Pembangunan Islam, Penerangan, Dakwah dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, sambutan Hari Mabit yang dianjurkan pada hari-hari tasyrik memperingati peristiwa bermalam di Muzdalifah oleh jemaah haji, sekali gus membawa makna besar terhadap penyatuan hati umat Islam.

“Program Hari Mabit bukan sekadar mengajak masyarakat bertaqrub kepada Allah SWT melalui zikrullah dan ibadah berjemaah, tetapi juga menjadi wahan persefahaman dan pengukuhan ikatan umat Islam dalam menghadapi cabaran semasa,” katanya da-



lam satu kenyataan media melalui laman rasmi beliau pada Isnin.

YB Mohd Asri turut menyatakan harapan agar para pemimpin dunia Islam yang berhimpun di Tanah Suci dapat mengambil peluang bertemu secara rasmi dan berbincang secara langsung mengenai tindakan kolektif dalam menangani isu-isu global ummah.

“Kita meletakkan harapan tinggi agar Kerajaan Arab Saudi dapat memfasilitasi pertemuan tersebut yang penting untuk memperkuat kesatuan umat, termasuk dalam usaha membela Masjid al-Aqsa dan nasib saudara kita di Palestin,” jelas beliau.

Sambutan yang dikendalikan oleh Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) itu mendapat sambutan meluas daripada masyarakat, termasuk penglibatan aktif Ahli Parlimen di setiap kawasan.



Ahli Parlimen Pasir Mas YB Ahmad Fadhl Shaaari, turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas penganjuran program yang membolehkan rakyat memahami secara lebih dekat penghayatan ibadah haji.

“Tahniah kepada penganjuran dan urus setia atas kejayaan Penghayatan Hari Mabit. Semua rakyat dapat merasai apa yang bakal jemaah haji alami di Tanah Suci,” katanya ketika menyampaikan tausiah di Pusat Tarbiyah Nasrullah Pohon Buloh Pasir Mas pada Isnin.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau mengecam penganjuran himpunan yang memperjuangkan agenda LGBT oleh pemuda sebuah parti politik tempatan, menyifatkannya sebagai bertentangan dengan nilai-nilai Islam dan budaya masyarakat.

“Kelantan kekal istiqamah me-

nolak sebarang usaha normalisasi terhadap perkara yang bercanggah dengan fitrah dan ajaran agama. Kita wajib mempertahankan akhlak Islamiah dalam segala keadaan,” tegas beliau.

YB Ahmad Fadhl turut menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa yang terlibat dalam kemalangan tragis di Jalan Jeli-Gerik, dan mendoakan agar mereka tabah menghadapi ujian tersebut.

Program Hari Mabit dan Hari Wukuf yang dijalankan secara serentak di seluruh Kelantan itu merangkumi pelbagai aktiviti seperti solat berjemaah, tazkirah, doa munajat dan zikir yang mampu memperkuat kefahaman umat Islam terhadap ibadah haji.

Sekali gus memperlihatkan kesungguhan Kerajaan Negeri Kelantan dalam membentuk masyarakat berteraskan nilai agama dan semangat ummah sejagat.

# INSIDEN KEMALANGAN MAUT DI GERIK: MB KELANTAN RAKAM TAKZIAH KEPADA KELUARGA MANGSA

Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU,** 10 Jun — Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang, Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud merakamkan ucapan takziah dan rasa simpati kepada keluarga mangsa kemalangan jalan raya yang berlaku di Gerik, Perak, pada awal Isnin.

Kemalangan tragik itu membabitkan sebuah bas yang dinaiki siswa-siswi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) serta sebuah kenderaan pelbagai guna jenis Perodua Alza.

“Saya amat bersimpati dan tersentuh dengan insiden kemalangan ini. Kehilangan anak-anak

muda yang merupakan harapan keluarga, agama, bangsa dan negara ini merupakan satu kehilangan besar buat kita semua,” katanya dalam kenyataan rasmi yang dikeluarkan pada Isnin.

Beliau juga mewakili Kerajaan Negeri Kelantan dan seluruh rakyat negeri itu, merakamkan ucapan takziah kepada semua keluarga mangsa yang terlibat dalam kemalangan tersebut.

“Semoga mereka yang terlibat dikurniakan ketabahan dan kekuatan oleh Allah SWT dalam menghadapi ujian ini. Bagi mangsa yang tercedera, saya mendoakan agar mereka diberi kesembuhan



yang segera dan sempurna,” katanya.

Dalam kejadian jam 1 pagi, 9 Jun, sebuah bas yang membawa 42 penuntut UPSI terlibat dengan kemalangan di KM53, Jalan Raya Timur - Barat, berhampiran

Tasik Banding, Gerik. Kemalangan tersebut meragut nyawa 15 penuntut UPSI yang mahu kembali ke kampus UPSI selepas pulang menyambut hari raya Aidiladha di kampung halaman masing-masing di Terengganu.

# SEGERAKAN NAIK TARAF LALUAN GERIK-JELI DEMI KESELAMATAN RAKYAT-EXCO KERJARAYA



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM,** 11 Jun – Kerajaan Persekutuan perlu mengambil tindakan segera dan menyeluruh bagi menaik taraf laluan Jalan Raya Timur - Barat (JRTB) Gerik-Jeli, susulan kemalangan maut pada Isnin lalu yang meragut 15 nyawa penuntut

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Exco Kerjaryaya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Kelantan YB Dato' Dr. Izani Husin berkata insiden tersebut menyerlahkan kelemahan serius aspek keselamatan di laluan kritis itu dan menuntut perhatian segera daripada pihak berkuasa pusat.

“Saya amat kesal kerana laluan sepenting ini terus terpinggir. Sedangkan projek mega seperti pembinaan LRT di Pulau Pinang menerima peruntukan besar sehingga RM10.5 bilion tetapi jalan Gerik-Jeli pula masih terbiar dengan pelbagai isu keselamatan yang membimbangkan,” katanya men-

erusi catatan di media sosial miliknya pada Selasa. .

Beliau turut mempersoalkan keberkesanan peruntukan RM30 juta yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada tahun 2023, apabila keadaan jalan masih gelap, tiada pencahayaan mencukupi dan garisan jalan reflektif yang jelas juga tidak disediakan.

“Ke mana perginya peruntukan tersebut? Keselamatan rakyat harus diutamakan tanpa kompromi,” tegas beliau.

Dato' Dr. Izani juga mencadangkan agar penghadang jalan yang sedia ada dikaji semula dengan mengambil kira pendekatan lebih selamat dan praktikal seperti pemasangan concrete barrier, wire

rope barrier dan roller barrier.

Menurutnya lagi, Kerajaan Negeri Kelantan komited untuk bekerjasama sepenuhnya dengan Kerajaan Persekutuan dalam usaha menjamin keselamatan rakyat yang seharusnya melangkaui sempadan politik.

“Saya merakamkan ucapan takziah dan simpati yang mendalam kepada keluarga mangsa tragedi ini. Ia amat menyayat hati dan satu kehilangan besar buat negara,” katanya.

Mengakhiri kenyataannya, beliau turut menyeru semua pengguna jalan raya agar sentiasa berhati-hati dan berhemah dalam pemanduan bagi mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini.

## ZON PELANCONGAN SEMPADAN ANTARABANGSA PANTAI GETING PERKASAKAN EKONOMI KELANTAN

Oleh: Norzana Razaly

**TUMPAT,** 10 Jun – Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) mengambil inisiatif melaksanakan projek Pembangunan Bandar Sempadan Antarabangsa di Pantai Geting sebagai strategi memperkasa sektor pelancongan negeri, khususnya di kawasan sempadan, selaras dengan matlamat merapatkan jurang pembangunan luar bandar.

Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC Dato' Baidzawi Che Mat berkata, inisiatif berimpak tinggi itu bertujuan menjadikan Pantai Geting sebagai hab pelancongan bertaraf antarabangsa yang mampu menjana ekonomi setempat serta membuka peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan.

“Pembangunan Geting Integrated Tourism Zone bukan sahaja berperanan meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke Pantai Geting, bahkan menyuntik peluang ekonomi baharu kepada rakyat setempat. Kami menjangkakan peningkatan ketara dalam sektor pelancongan dan pertumbuhan ekonomi setempat sebaik projek ini siap kelak,” jelasnya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau juga memaklumkan bahawa skop pembinaan projek merangkumi bazar produk makanan



laut dan kedai makanan dengan enam unit gerai makan dan empat unit kedai cenderamata, menara tinjau, menaik taraf astaka sedia ada dan pembinaan dua unit surau baru.

Turut dinaik taraf ialah pembinaan semula tiga unit tandas awam, tapak perkhemahan, enam kiosk serbaguna, pintu gerbang utama serta kerja-kerja infrastruktur, landskap dan pencahayaan laluan masuk.

Menurut Dato' Baidzawi, sejak ini kemajuan fizikal projek telah mencapai 2 peratus dan dijangka siap sepenuhnya menjelang

16 September 2026, selepas pemilikan tapak bermula pada 20 Mac 2025.

“Projek berimpak tinggi ini adalah sebahagian daripada komitmen ECERDC untuk memperkasa pembangunan ekonomi yang inklusif dan mampan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur menjelang tahun 2030 kerana ia dijangka memberi manfaat terus kepada rakyat, termasuk peluang pekerjaan kepada 10 pengusaha makanan dan cenderamata, lapan pengusaha kiosk makanan serta dua operator kemudahan awam,” katanya.

Selain itu, projek berkenaan

jugak diunjur mencatat peningkatan kedatangan pelancong sebanyak 30 peratus setahun bermula 2026. Termasuklah peningkatan pendapatan pengusaha pelancongan dan peniaga kecil sehingga 10 peratus setahun.

“Dengan sokongan berterusan daripada kerajaan negeri dan kerjasama masyarakat setempat, projek ini akan menjadi pemangkin kepada kebangkitan ekonomi baharu di kawasan Pantai Geting serta mengukuhkan kedudukan Kelantan sebagai destinasi pelancongan berdaya saing di rantau ini,” ujar beliau lagi.



## KEBERKATAN

# MAIK LAKSANA MAJLIS IBADAT KORBAN JAMA'IE 1446H/2025M, 49 EKOR LEMBU DISEMBELIH

Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 9 Jun – Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) melaksanakan Majlis Ibadat Korban Jama'ie 1446 Hijrah/2025 Masihi melibatkan penyembelihan 49 ekor lembu.

Majlis yang berlangsung di Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Panji, diserikan dengan keberangkatan Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Fakhry Petra Ibni Al-Marhum Sultan Ismail Petra yang berkenan mencemar duli menyaksikan sendiri proses penyembelihan lembu korban.

Yang Dipertua MAIK, yang juga Tengku Temenggong Kelantan, YBM Tengku Tan Sri Dato' Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz dalam kenyataan medianya semalam memaklumkan bahawa daripada jumlah tersebut, lima ekor lembu merupakan kurniaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia



Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V.

“Sumbangan lembu korban pada tahun ini juga melibatkan kerabat diraja, agensi kerajaan serta orang awam. Ini menzahirkan semangat kebersamaan dan kepedulian sosial masyarakat Islam Kelantan,” ujar beliau.

Menurutnya lagi, daging korban akan diagihkan kepada 2,000 ketua isi rumah yang terdiri daripada asnaf fakir dan miskin di seluruh negeri melalui rangkaian masjid negeri, bandar dan jajahan yang telah dikenal pasti.

Beliau turut menegaskan ba-

hawa pelaksanaan ibadah korban bukan sekadar penyembelihan haiwan semata-mata, tetapi melambangkan ketaatan, pengorbanan serta usaha mendekatkan diri kepada Allah SWT.

“Semoga ibadah korban ini mampu meningkatkan keimanan dan keinsafan dalam diri umat Islam untuk terus berbakti dan taat kepada perintah Allah SWT,” katanya.

YBM Tengku Mohamad Rizam turut merakamkan penghargaan kepada semua penyumbang dan pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Ibadat Korban Jama'ie



MAIK bagi tahun ini.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud yang turut menyembelih seekor lembu korban sebagai simbol penglibatan pemimpin negeri dalam ibadah berkenaan.

Majlis tersebut turut dihadiri Speaker Dewan Negeri Kelantan YB Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Dr Mohd Amar Abdullah, barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, serta Timbalan Yang Dipertua MAIK Dato' Mohd Anis Hussein.

## KELANTAN KOMITED PELIHARA HUTAN, HAMPIR 60,000 HEKTAR TELAH DITANAM SEMULA



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 12 Jun – Kerajaan Negeri Kelantan terus menunjukkan komitmen tinggi terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan hutan melalui pelaksanaan aktiviti penanaman semula selepas aktiviti pembalakan dilakukan secara terkawal.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr. Izani Husin yang juga Pengurus Kompleks Per-

kayuan Kelantan (KPK) berkata, usaha tersebut dilaksanakan melalui kerjasama strategik bersama syarikat-syarikat swasta berpotensi dalam menjayakan projek Ladang Hutan di negeri ini.

“Sehingga kini, hampir 60,000 hektar telah dilaksanakan penanaman semula secara berfasa. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri benar-benar mengambil berat terhadap kelestarian pengurusan hutan,” katanya menerusi catatan di media sosial, hari ini.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan dan seluruh warga kerja jabatan tersebut atas dedikasi mereka dalam menjayakan agenda pemuliharaan hutan.

Lebih membanggakan, jelas beliau, projek Ladang Hutan ini turut memberi manfaat besar dari segi sosial kepada masyarakat setempat.

“Ia membuka peluang pekerjaan, mengetengahkan kepakaran tempatan dalam bidang tisukultur dan nurseri, serta menjadi medium pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai pentingnya pengurusan hutan yang mampan,” jelasnya.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Edubest Plantation Holdings atas kejayaan pelaksanaan projek Ladang Hutan yang mula diusahakan sejak tahun 2019 dan kini menunjukkan perkembangan memberangsangkan.

“Tanah seluas 25,000 ekar yang diusahakan untuk penanaman semula spesis balak eucalyptus yang telah memasuki tahun kelima pelaksanaannya. Pemilihan spesis eucalyptus ini dibuat hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang mengambil kira keperluan pasaran semasa.

“Spesis eucalyptus terbukti sesuai bagi penghasilan produk-produk berdasarkan biomass dan kayu perabot bernilai eksport tinggi, menjadikan projek ini bukan sahaja mampan dari segi alam sekitar, malah berdaya saing dari sudut ekonomi,” ujarnya.

Terdahulu, Dato' Dr. Izani bersama Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan, Mohd Rahim Ramli dan Pengurus Besar KPK Che Lazmi Che Sof serta rombongan telah mengadakan lawatan kerja ke kawasan Projek Pembangunan Ladang Hutan di Hutan Simpan Kekal Negeri Kelantan di Kuala Betis, Gua Musang.

# SANTAI SEPETANG DI LALUAN GUILLEMARD–TEMANGAN–KUSIAL: PEMACU EKONOMI KOMUNITI MELALUI PELANCONGAN TEMATIK REL DAN SUNGAI DI TANAH MERAH



Oleh: Norzana Razaly

Idea pembangunan tarikan pelancongan bertemakan kereta api dan pengangkutan air tradisi menyusuri sungai di sepanjang laluan Guillemard–Temangan–Kusial membuka horizon baru dalam pendekatan pelancongan lestari dan berimpak komuniti.

Demi memanfaatkan kekuatan infrastruktur sedia ada serta nilai warisan yang unik, pakej “Santai Sepetang” dirangka sebagai produk pelancongan ringan dan tidak membebankan, sesuai untuk pengunjung harian yang ingin menikmati keindahan alam dan budaya tempatan tanpa memerlukan penginapan semalam.


Pakej cadangan ini dimulakan dengan ketibaan pelawat di Guillemard View, lokasi strategik yang menawarkan ruang parkir dan kemudahan asas pelancongan. Dari sini, peserta menaiki tren Diesel Multiple Unit (DMU) yang bertolak dari Hentian Sungai Kusial pada pukul 5.13 petang menuju ke Dabong. Laluan ini merentasi Jambatan Guillemard - sebuah struktur kolonial ikonik dan mercu tanda kejuruteraan rel klasik negara.

## Pengaktifan semula Hentian KTMB Sungai Kusial

Asas kejayaan pakej ini bergantung kepada pengaktifan semula Hentian KTMB Sungai Kusial, yang kini tidak lagi beroperasi setelah ditarik perkhidmatannya oleh KTMB dan Perbadanan Aset Keretapi (RAC).

Namun begitu, usaha menghidupkan kembali hentian ini sedang giat dilakukan oleh Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) dan Ahli Dewan Negeri Gual Ipoh YB Bahari Mohamad Nor, dengan sokongan awal yang positif daripada pihak KTMB dan kementerian berkaitan.

Pengaktifan semula hentian ini dijangka membawa limpahan ekonomi kepada pelbagai pihak. KTMB berpotensi menikmati lonjakan penumpang dan pendapatan menerusi sektor pelancongan, manakala komuniti setempat dapat memperluas aktiviti keusahawanan, penyediaan perkhidmatan pelancongan, serta pembangunan ekonomi mikro berdasarkan pengangkutan rel dan sungai.



## Minum petang di Hentian Temangan

Setibanya di Hentian Temangan, peserta ditawarkan pengalaman minum petang di gerai tempatan yang menyajikan sajian tradisional Kelantan seperti akok, cek mek molek, dan teh tarik kampung. Seterusnya, peserta menaiki perahu kolek atau bot pesiarian menyusuri Sungai Kelantan dalam suasana petang yang nyaman dan mengasyikkan. Jika perkhidmatan minum petang turut ditawarkan atas bot, ia pasti memperkayakan lagi pengalaman sensori dan nilai nostalgia pelancong.

Seni bina fasad deretan kedai lama serta suasana Pekan Lama Temangan menjadi antara tarikan utama yang menghidupkan kembali nostalgia dan sejarah kawasan ini. Ia menyingkap peranan penting Pekan Temangan sebagai pusat perlombongan bijih besi utama di Kelantan sebelum dan sekitar era Perang Dunia Kedua, yang turut menerima limpahan manfaat daripada kewujudan Jambatan Guillemard sebagai prasarana penghubung yang strategik pada zamannya.

Perjalanan mudik ke hilir membawa peserta kembali ke jeti Guille-

## R E N C A N A

mard View sebelum bersurai. Rangkaian pergerakan ini bakal mencipta naratif perjalanan yang tersusun dan menyokong prinsip pelancongan lestari yang menekankan pemeliharaan alam sekitar, pengurangan pelepasan karbon, dan penglibatan aktif komuniti setempat sebagaimana feri libur di Danau Tok Uban yang diusahakan penduduk tempatan.

Pakej ini turut menyumbang kepada pengukuhan jati diri tempatan melalui keterlibatan komuniti setempat yang boleh berkongsi kearifan tempatan, pemuliharaan warisan sejarah, budaya dan landskap semula jadi yang unik. Penawaran pengalaman sederhana namun bermakna ini juga sejajar dengan aspirasi pelancongan baharu yang berteraskan nilai, bukannya kuantiti.

### Kerjasama strategik pelbagai pihak

Pelaksanaan cadangan pakej pelancongan tematik ini memerlukan kerjasama sinergistik antara pelbagai agensi dan pemegang taruh. Penglibatan bersepadu dalam kalangan komuniti Kusial Bharu, Temangan, dan MDTM sebagai pelaksana tempatan adalah signifikan.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) pula berperanan dalam pembangunan standard pakej, pensijilan homestay, dan promosi di peringkat nasional dan antarabangsa. Sementara Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) turut perlu membantu merancakkan pembangunan luar bandar melalui penambahbaikan infrastruktur, pembiayaan perniagaan kepada usahawan desa serta penganjuran kursus yang relevan bagi meningkatkan kualiti hidup dan merangsang pertumbu-

han ekonomi di kawasan luar bandar.

Disokong pula oleh Kerajaan Negeri Kelantan menerusi Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan serta Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) yang boleh menjadi pemacu utama promosi berfokus dan penyediaan insentif kepada pemain industri pelancongan.

Manakala Ahli Dewan Negeri Gual Ipoh dan Ahli Dewan Negeri Temangan pula memainkan peranan strategik dalam usaha menyediakan dana pembangunan kecil luar bandar serta sebagai jambatan komunikasi di antara kerajaan dan rakyat.

KTMB sebagai pemilik dan pengendali perkhidmatan rel perlu dilihat secara rasmi dalam penjadualan semula hentian, promosi pakej pelancongan rel serta menawarkan insentif khas kepada pengguna tren DMU yang memilih pelancongan hijau ini.

Pendek kata, dengan pendekatan menyeluruh dan inklusif, pakej “Santai Sepetang” berdasarkan rel dan sungai mampu menjadi produk pelancongan unik yang mengangkat naratif baharu Kelantan sebagai destinasi budaya dan sejarah dan tapak pemerkasaan ekonomi mikro, pelestarian warisan, dan pengukuhan identiti wilayah.

Dalam jangka panjang, ia berpotensi menjadi model nasional pembangunan pelancongan desa yang berpaksikan infrastruktur sedia ada dan komuniti sebagai peneraju utama.





MAIK LAKSANA MAJLIS IBADAT KORBAN JAMA'IE  
1446H/2025M, 49 EKOR LEMBU DISEMBELIH

Buletin دارالنعيم MINGGUAN

# DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | ZULHIJJAH 1446H | 08-12 JUN 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

## KURANGKAN RISIKO MAUT MUSIM PERAYAAN, DATO' MUMTAZ CADANG PDP ATAS TALIAN SEBELUM DAN SELEPAS RAYA

Oleh: Norzana Razaly

TUMPAT, 11 Jun – Demi memastikan kebijakan dan keselamatan mahasiswa terpelihara sepanjang musim perayaan, Ahli Parlimen Tumpat YB Dato' Mumtaz Md Nawi menyaran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melaksanakan kaedah pembelajaran atas talian selama tiga hari sebelum dan selepas Hari Raya Aidilfitri serta Aidiladha.

Saranan itu dikemukakan secara rasmi kepada Menteri Pengajian Tinggi melalui satu surat cadangan yang menekankan keperluan untuk menyesuaikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan realiti semasa, terutamanya dalam konteks keselamatan jalan raya dan kebijakan pelajar institusi pengajian tinggi.

“Setiap tahun kita dikejutkan dengan insiden kemalangan maut yang melibatkan mahasiswa ketika mereka dalam perjalanan pulang ke kampung sempena perayaan. Kita tidak boleh menunggu tragedi seterusnya untuk bertindak,” tegas Dato' Mumtaz.

Menurut beliau, pelaksanaan PdP secara dalam talian untuk tempoh tiga hari sebelum dan se-



lepas perayaan dapat mengurangkan tekanan perjalanan dalam kalangan mahasiswa, membolehkan mereka mengatur perjalanan secara lebih selamat dan tidak tergesa-gesa.

Antara rasional utama yang diketengahkan termasuk keselamatan dan kesihatan mahasiswa, dengan memberi ruang untuk mereka mengelakkan kesesakan jalan raya yang ekstrem dan mengurangkan risiko keletihan serta tekanan.

Beliau juga menggarisbawaskan kelancaran aliran trafik yang turut membantu pihak berkuasa dalam pengurusan lalu lintas semasa musim puncak.

Seterusnya, pengukuhan nilai kekeluargaan, membolehkan mahasiswa meraikan hari raya dengan lebih bermakna bersama keluarga dan kekal akses kepada pendidikan, menerusi penggunaan platform digital sedia ada yang membolehkan PdP diteruskan tanpa kehadiran fizikal.

Terakhir ialah pengurusan kos dan masa perjalanan, khususnya dalam mengelakkan pembelian tiket pada harga tinggi ketika waktu puncak.

Beliau turut memaklumkan bahawa kebanyakan institusi pengajian tinggi telah dilengkapi dengan infrastruktur teknologi yang mencukupi untuk menyokong pelaksanaan PdP secara hibrid dan fleksibel, sekali gus menjadikan saranan ini sebagai sesuatu yang praktikal dan mampu dilaksanakan dengan segera.

“

pelaksanaan PdP secara dalam talian untuk tempoh tiga hari sebelum dan selepas perayaan dapat mengurangkan tekanan perjalanan dalam kalangan mahasiswa, membolehkan mereka mengatur perjalanan secara lebih selamat dan tidak tergesa-gesa,”

naan PdP secara hibrid dan fleksibel, sekali gus menjadikan saranan ini sebagai sesuatu yang praktikal dan mampu dilaksanakan dengan segera.

“Dengan adanya fleksibiliti ini, mahasiswa dapat terus belajar tanpa mengabaikan keperluan emosi dan keselamatan diri. Inilah erti pendidikan yang menyeluruh dan berperikemanusiaan,” jelasnya lagi.

Dato' Mumtaz berharap agar pihak Kementerian dapat memberi pertimbangan serius terhadap saranan tersebut dalam usaha mewujudkan ekosistem pendidikan tinggi yang lebih responsif, selamat dan sejahtera.

